



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

---

CETAKAN SEMULA

---

## Akta 120

### AKTA KONTRAK KERAJAAN 1949

*Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006*

*Teks ini HANYA TERJEMAHAN oleh Jabatan Peguam Negara bagi Government Contracts Act 1949. Melainkan jika dan sehingga ditetapkan sahih di bawah subseksyen 7(1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 [Akta 32], teks ini bukan perundangan.*

DITERBITKAN OLEH  
PESURUJJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA  
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968  
SECARA USAHA SAMA DENGAN  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD  
2006

## **AKTA KONTRAK KERAJAAN 1949**

Pertama kali diperbuat        ...    ...    ...    1949 (Ordinan No. 67  
                                        tahun 1949)

Disemak    ...    ...    ...    ...    ...    ...    1973 (Akta 120 m.b.p.  
    17 September 1973)

### *CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU*

*Cetakan Semula Yang Pertama*    ...    ...    ...    ...    1995  
*Cetakan Semula Yang Kedua*    ...    ...    ...    ...    2000

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 120****AKTA KONTRAK KERAJAAN 1949**

---

SUSUNAN SEKSYEN

## Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Kontrak bagi pihak Kerajaan
3. Kontrak bagi pihak Kerajaan Negeri
4. (*Dipotong*)
5. Kontrak yang dibuat di luar Malaysia
6. Tiada kontrak lain boleh disifatkan sebagai kontrak Kerajaan
7. Keesahan kontrak yang dibuat sebelum permulaan kuat kuasa Akta
8. Had liabiliti diri pegawai awam
9. Bentuk pemberikuasaan
10. Peruntukan berkenaan dengan tanah

JADUAL



## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 120

#### AKTA KONTRAK KERAJAAN 1949

Suatu Akta bagi pembuatan kontrak bagi pihak Kerajaan, dan Kerajaan Negeri, dan bagi perkara yang berkaitan dengannya.

*[Semenanjung Malaysia—31 Disember 1949;  
Sabah dan Sarawak—16 September 1963,  
L.N. 108/1964]*

#### **Tajuk ringkas**

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kontrak Kerajaan 1949.

#### **Kontrak bagi pihak Kerajaan**

2. Semua kontrak yang dibuat di Malaysia bagi pihak Kerajaan hendaklah, jika diubah ke dalam bentuk bertulis, dibuat atas nama Kerajaan Malaysia dan boleh ditandatangani oleh Menteri atau oleh mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa dengan sewajarnya secara bertulis oleh Menteri, sama ada secara khusus dalam mana-mana hal tertentu, atau secara am bagi semua kontrak di bawah nilai tertentu di jabatannya atau selainnya sebagaimana yang dinyatakan dalam pemberikuasaan itu.

#### **Kontrak bagi pihak Kerajaan Negeri**

3. (1) Semua kontrak yang dibuat di Malaysia bagi pihak Kerajaan Negeri hendaklah, jika diubah ke dalam bentuk bertulis, dibuat atas nama Kerajaan Negeri itu, dan boleh ditandatangani oleh Ketua Menteri atau Menteri Besar Negeri itu, atau oleh mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa dengan sewajarnya secara bertulis oleh Ketua Menteri atau Menteri Besar, sama ada secara khusus dalam mana-mana hal tertentu, atau secara am bagi semua kontrak di bawah nilai tertentu di jabatannya atau selainnya sebagaimana yang dinyatakan dalam pemberikuasaan itu.

(2) Dalam pemakaian seksyen ini bagi Sabah dan Sarawak “Ketua Menteri” termasuklah mana-mana Menteri Negeri.

4. (*Dipotong oleh L.N.284/1958*).

**Kontrak yang dibuat di luar Malaysia**

5. Semua kontrak yang dibuat di luar Malaysia bagi pihak Kerajaan atau mana-mana Kerajaan Negeri oleh seseorang yang sama ada secara am atau secara khusus diberi kuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh Yang di-Pertuan Agong hendaklah, setakat yang kontrak itu termasuk dalam bidang kuasa mahkamah Malaysia, disifatkan sebagai kontrak yang dibuat bagi pihak Kerajaan itu.

**Tiada kontrak lain boleh disifatkan sebagai kontrak Kerajaan**

6. Tiada kontrak yang dibuat selepas permulaan kuat kuasa Akta ini kecuali kontrak yang dibuat mengikut cara yang diperuntukkan sebelum ini hendaklah disifatkan dibuat dengan kuasa Kerajaan atau sesuatu Kerajaan Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan.

**Pengesahan kontrak yang dibuat sebelum permulaan kuat kuasa Akta**

7. Semua kontrak yang dibuat dengan suci hati pada atau selepas satu haribulan Februari 1948, dan sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini dan yang berupa sebagai dibuat bagi pihak Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu atau Kerajaan mana-mana Negeri atau Negeri Selat, mengikut mana-mana yang berkenaan—

- (a) di Persekutuan Tanah Melayu oleh mana-mana pegawai awam;
- (b) di United Kingdom oleh Setiausaha Negeri atau *Crown Agent*; atau
- (c) di tempat lain di luar Persekutuan Tanah Melayu oleh mana-mana orang yang sama ada secara am atau secara khusus diberi kuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh Pesuruhjaya Tinggi,

hendaklah disifatkan sebagai kontrak yang telah dibuat dengan sewajarnya bagi pihak Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu atau Kerajaan Negeri atau Kerajaan Negeri Selat itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

### **Had liabiliti diri pegawai awam**

**8.** Tiada pegawai awam boleh dibawa guaman terhadap dirinya atas apa-apa kontrak yang dibuat atas sifatnya sebagai pegawai awam; tetapi seseorang pegawai awam hendaklah bertanggungan sendiri apabila dia menyandarkan kredit diri dengan nyata, atau jika dia membuat kontrak selain sebagai ejen Kerajaan atau ejen suatu Kerajaan Negeri.

### **Bentuk pemberikuasaan**

**9.** Apa-apa pemberikuasaan yang dibuat di bawah seksyen 2 atau 3 hendaklah mengikut bentuk yang sesuai yang dinyatakan dalam Jadual.

### **Peruntukan berkenaan dengan tanah**

**10. (1)** Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh disifatkan menyentuh peruntukan Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*] atau Ordinan Tanah Sabah [*Bab 68*] atau Sarawak [*Bab 81*] tentang penggunaan atau pendudukan tanah Negeri.

**(2) (*Ditinggalkan*).**

---

JADUAL

[Seksyen 9]

PEMBERIKUASAAN DI BAWAH SEKSYEN 2 DAN 3

A

Saya \* Menteri/Ketua Menteri/Menteri Besar.....† dengan ini memberi kuasa.....untuk menandatangani

---

\*Tinggalkan mana-mana yang tidak bersesuaian.

†Masukkan gelaran jawatan Menteri Kerajaan itu di sini.

kontrak antara \*Kerajaan Malaysia/Kerajaan Negeri.....dan  
.....bagi.....  
.....  
.....

*(Perihalkan secara ringkas kontrak tertentu itu di sini)*

Tandatangan.....  
*\*Menteri/Ketua Menteri/Menteri Besar/Menteri, Negeri*

.....

---

\*Tinggalkan mana-mana yang tidak bersesuaian.

B

Saya \*Menteri/Ketua Menteri/Menteri Besar.....† dengan ini  
memberi kuasa .....untuk menandatangani  
bagi pihak \*Kerajaan Malaysia/Kerajaan Negeri.....  
apa-apa kontrak (dalam jabatannya) bernilai di bawah RM.....

Tandatangan.....  
*\*Menteri/Ketua Menteri/Menteri Besar, Menteri, Negeri*

.....

---

\*Tinggalkan mana-mana yang tidak bersesuaian.

†Masukkan gelaran jawatan Menteri Kerajaan itu di sini.

# **UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

## **Akta 120**

### **AKTA KONTRAK KERAJAAN 1949**

#### **SENARAI PINDAAN**

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Ord. 40/1953	Ordinan Kontrak Kerajaan (Pindaan) 1953	20-08-1953
L.N. 284/1958	Perintah Perlembagaan Persekutuan (Pengubahaian Undang-Undang) (Ordinan Kontrak Kerajaan) 1958	22-09-1958
L.N. 108/1964	Perintah Pengubahaian Undang-Undang (Kontrak Kerajaan) (Perluasan) 1964	16-09-1963
L.N. 456/1964	Perintah Pengubahaian Undang-Undang (Kontrak Kerajaan) (Perluasan) (Pindaan) 1964	16-09-1963

---

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA**  
**Akta 120**  
**AKTA KONTRAK KERAJAAN 1949**

**SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen	Kuasa Meminda	Berkuat kuasa dari
2	Ord 40/1953	20-08-1953
Jadual	Ord 40/1953	20-08-1953

---